

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah orang yang tidak berdokumen yang telah diberi vaksinasi di Sabah sehingga hari ini dan bagaimana mungkin mereka akan dapat dikenal pasti jika mereka berkemungkinan turut akan menerima suntikan dos penggalak apabila diperlukan kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, sehingga 16 November 2021, seramai 2,406,319 (77.2%) telah menerima satu dos manakala 2,300,465 (74.1%) telah menerima dos lengkap vaksin COVID-19 di negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, seramai 393,000 (17.0%) orang yang tidak berdokumen telah menerima dos lengkap di negeri Sabah.

2. Pemberian dos penggalak (*booster dose*) akan diberikan kepada individu yang layak dan telah menerima dos lengkap sekurang-kurangnya 6 bulan yang lalu. Penerima yang layak akan dimaklumkan melalui aplikasi MySejahtera dan melalui pesanan ringkas atau panggilan telefon oleh Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi penerima yang tidak mempunyai aplikasi MySejahtera.

3. Pelaksanaan pemberian dos penggalak (*booster dose*) akan diterajui oleh klinik swasta (GPs) di bawah penyelarasan ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd melalui kaedah temujanji atau aktiviti jangka luar (*outreach*) ke kawasan kampung dan pedalaman.

Sekian, terima kasih.